



PEJABAT PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**MITRA.100-9/1/1 (24)**

**KENYATAAN MEDIA  
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BANTUAN LESEN LORI (GDL)  
MITRA 2024/2025**

**SELANGOR, 23 JANUARI 2025** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Pejabat Perdana Menteri telah meluluskan inisiatif untuk Program Bantuan Lesen Lori (GDL) MITRA pada tahun 2024 kepada 20 Institut memandu di seluruh Malaysia dengan kos sebanyak RM1,499,745.50 dan seramai 654 peserta akan menerima manfaat melalui program ini.

Program Inisiatif ini dilancarkan selaras dengan Pelan Induk Logistik & Fasilitasi Perdagangan dan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030. Ia bertujuan untuk melahirkan pemandu kenderaan perdagangan yang kompeten serta mengatasi masalah kekurangan sumber manusia dalam industri pengangkutan perdagangan di Malaysia.

Permohonan Program Bantuan Lesen Lori (GDL) MITRA telah dibuka dari 13 November 2024 hingga 31 Disember 2024 dan sebanyak 2529 permohonan telah diterima bagi program ini. Daripada jumlah tersebut seramai 300 telah disaring untuk pelaksanaan program fasa pertama.

Peserta yang berkelayakan dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan berpeluang menjalani kursus pemanduan kenderaan perdagangan bagi memiliki lesen Goods Driving License (GDL) Bersendi dan Kejur dengan kos penuh ditanggung oleh MITRA.

Program ini berupaya memperkasa industri logistik dan tenaga kerjanya sekaligus meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan belia India B40 dan M40. Dengan adanya program ini, pihak MITRA berharap dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan kompetensi dalam kalangan masyarakat Malaysia India, terutamanya dalam sektor pengangkutan yang semakin berkembang.

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI  
23 JANUARI 2025**